

BAB
TIGA

BAB III : *ORIENTALIS* DAN PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Pendahuluan

Sejarah *Kerajaan Samudera-Pasai* (1009-1444M) , *Kesultanan Melayu Melaka* (1400-1511M), *Kerajaan Aceh* (1500-1650M) telah membuktikan bahawa Islam telah lama bertapak di *Kepulauan Nusantara* sekitar abad ke 10 hijrah. Kegigihan pendakwah-pendakwah Islam menyaksikan Islam dapat berkembang dengan pesat di *Nusantara* ini yang kaya dengan pelbagai hasil bumi. Seterusnya, kemakmuran di seluruh *Kepulauan Nusantara* dan penyebaran Islam yang meluas telah mula mengundang kedatangan campurtangan pelbagai kuasa asing.

Sejarah merakamkan bahawa, Malaysia telah berulang kali dijajah bermula dengan Portugis, Siam, Belanda, Inggeris dan Jepun. Walaubagaimana pun, penjajahan Inggeris di Malaysia pertengahan kurun ke 19, menyaksikan kemasukan bersamanya pemikiran Yahudi dan Nasrani sehinggalah ke hari ini. Walaupun hakikatnya Malaysia telah merdeka tetapi, dari sudut pemikiran, umat Islam di negara ini masih dijajah. Pemakaian undang-undang sekular adalah satu bukti nyata tinggalan warisan pemikiran penjajahan Inggeris yang sukar dibuang oleh kepimpinan yang menerajui negara ini sehinggalah ke hari ini. Oleh kerana itu, tidak hairanlah pelbagai implikasi buruk telah timbul hasil penjajahan pemikiran ini dan memerlukan jalan penyelesaian yang segera iaitu kembali kepada Islam sebenar.

3.1. *Orientalis* Di Malaysia

3.1.1. Permulaan Penjajahan

Sepertimana yang telah diterangkan penulis dalam bab dua, *Orientalis* dan Kristian serta Yahūdi mempunyai banyak pertalian dan perkaitan di antara satu sama lain. Justeru, penulis telah cuba melihat kesan dari peperangan Salib (1098 – 1295) yang berlaku antara Islam dan *Kuffār* yang akhirnya membawa kepada faktor penjajahan dan balas dendam. Melihat dari sudut faktor peperangan Salib, terdapat dua *elemen* utama yang mempengaruhi peperangan ini iaitu, faktor agama dan taksub membuta tuli serta faktor politik. Pada anggapan mereka, bumi ini tidak layak untuk didiami oleh orang-orang Islam dan proses pembersihan bumi ini dari didiami oleh orang-orang Islam perlu dilakukan. Selain dari itu, serangan mereka juga didorong oleh faktor politik dan penjajahan di mana kekayaan hasil bumi, kemajuan dan ketenangan yang dimiliki oleh negara-negara Islam pada masa itu khususnya Syam dan sekitarnya sedikit sebanyak mendorong mereka untuk menjajah negara-negara tersebut. Kegiatan penjajahan ini dipelopori oleh British dan Perancis dan diikuti oleh kuasa penjajah yang lain seperti Jerman, Amerika dan lain-lain. Walaubagaimanapun, Allah telah menentukan bahawa peperangan Salib yang berterusan selama dua ratus tahun berakhir dengan kekalahan dan kekecewaan kepada tentera Salībiyyin¹.

¹ Mustafā al-Sibāi, (1985), *Al-Sunnah Wa Makānatuhā Fi al-Tashrī' al-Islāmi*, c.5. Beirut : al-Maktab al-Islāmi, h. 144 .

Berikutan dari kekalahan dan kekecewaan tersebut, mereka mula mengalih pandangan mereka daripada serangan senjata kepada serangan mental dan fikiran. Dari sinilah ada pendapat yang mengatakan mereka mula mengkaji tentang Islam dari pelbagai aspek termasuk 'Aqīdah, Tafsīr, Hadīth, Sastera dan lain-lain yang berkaitan dengan agama sebagai persiapan terhadap serangan mental dan fikiran umat Islam. Dapatlah dikatakan motif kajian terhadap bidang-bidang keislaman adalah pencetus ke arah melahirkan *Orientalisme* khususnya di Inggeris (1779), Perancis (1799) dan di negeri-negeri lain. Dalam kata lain, serangan *Orientalis* adalah merupakan lanjutan dari *konfrantasi* antara Kristian dan Yahūdī dengan Islam². Jika pendapat ini diambil kira, maka bermulalah era penjajahan dan penyebaran pemikiran *Orientalis* sehinggalah penjajahan kelompok ini bertapak di Malaysia.

3.1. 2. Sejarah Kemasukan

Kedatangan pihak penjajah ke Tanah Melayu bukan sekadar memenuhi dasar perluasan kuasa tetapi juga membawa bersama mereka *ideologi* sekular disamping visi untuk memecah belahkan *dominan* Islam di rantau ini terutamanya dalam politik, undang-undang dan ilmu pengetahuan. Di samping itu, mereka juga membawa idea-idea Kristian untuk dikembangkan di rantau ini melalui pengaruh dan

² Mustafa al Sibai (1985), *Op.Cū*, c.5. h. 150.

penerapan nilai-nilai sekular³. Berdasarkan kenyataan Doktor Faisal ini kita memahami bahawa kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu jelas membawa bersamanya idea-idea *Orientalis* dan sudah semestinya ada di antara mereka ini adalah golongan *Orientalis* yang dihantar khas bagi memenuhi visi dan misi *Orientalis* terhadap orang-orang Islam di Timur.

Meneliti sejarah kemasukan Inggeris di Tanah Melayu maka pengambilan Pulau Pinang daripada Sultan Kedah bolehlah dikatakan permulaan masuknya *Orientalis* ke negara ini yang kemudiannya diikuti oleh pengambilan Singapura daripada Sultan Hussein Shah Johor dan Temenggong Abdul Rahman. Pengambilan kedua-dua negeri ini adalah melalui tipu muslihat dan paksaan. Kemudian diikuti dengan pengambilan Melaka setelah berlakunya Perjanjian Inggeris - Belanda (1824). Ketiga-tiga negeri ini kemudiannya dicantumkan menjadi negeri-negeri Selat dan diletakkan dibawah pentadbiran London pada tahun 1867. Setelah itu, Inggeris mula campurtangan di Perak setelah berlakunya perebutan takhta di antara putera-putera Perak disamping masalah pergaduhan diantara pembesar negeri dan pelombong-pelombong. Hasilnya termeterailah Perjanjian Pangkor pada 1874 dan Perak sedia menerima seorang Residen Inggeris yang bertindak sebagai penasihat Sultan. Di Selangor, Inggeris berjaya memasukinya setelah berlakunya perang saudara antara Raja Mahadi dan Tengku Kudin yang bersama Yap Ah Loy. Peringkat awalnya adalah agak sukar bagi Inggeris untuk campurtangan sehinggalah pada tahun 1873 apabila berlaku peristiwa rompakan terhadap sebuah kapal yang

³ Dr. Faisal Othman, , (1986), *Liberalisme, Sekularisme dan Islam Dalam Tamadun Islam Dan Ideologi-Ideologi Masa Kini*, c. 2. Kuala Lumpur : Penerbitan Nadhi, h. 167.

membawa orang British dan Cina dan rompakkan dikatakan telah dilakukan oleh Putera Sultan. Akhirnya, pada tahun 1874 Inggeris telah memeterai satu perjanjian yang antara lain menyebabkan Sultan Abdul Samad bersetuju menerima seorang Residen Inggeris⁴.

Percubaan Inggeris untuk masuk ke Negeri Sembilan telah bermula semenjak Inggeris menduduki Melaka antara tahun 1795 hingga 1818 dengan menjadikan alasan Naning sebagai sebahagian daripada taklukan Melaka. Akibatnya, muncul pertentangan antara Dol Said dan Inggeris. Akhirnya, dengan bantuan Rembau dibawah pemerintahan Sayid Syaban, Naning berjaya dikalahkan. Seterusnya, Inggeris mula campurtangan ke daerah lain iaitu di Sungai Ujung, Jelebu, Seri Menanti dan kesemuanya ini diletakkan di bawah satu Persekutuan yang berada di bawah pemerintahan Yam Tuan Besar dan *Residen* Inggeris sebagai penasihatnya. Di Pahang, walau pun Sultan Ahmad menolak campurtangan Inggeris tetapi akhirnya melalui paksaan Inggeris dan desakan Sultan Johor, Sultan Pahang ini akhirnya terpaksa menerima Residen Inggeris pada tahun 1888. Setelah itu, Inggeris telah meletakkan negeri-negeri ini di bawah kekuasaan Residen Jeneral di Kuala Lumpur dengan pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896⁵.

⁴ Abu Bakar Abdullah, (1986), *Perlaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia*, c. 1. Kuala Terengganu : Pustaka Damai, h. 106-109.

⁵ Abu Bakar Abdullah (1986), c. 1. *Op.Cit*, h. 108.

Negeri-negeri di utara Tanah Melayu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu telah berjaya diambil Inggeris setelah termeterinya Perjanjian Bangkok pada 9 Julai 1909. Antara syarat-syarat perjanjian itu ialah Kerajaan Siam mestilah memindahkan segala hak-hak kekuasaanya ke atas keempat-empat negeri tersebut termasuklah pulau-pulau berhampiran kepada Inggeris dan sebagai gantinya Patani telah diserahkan kepada Siam. Akhirnya pada tahun 1914, Inggeris telah dapat menguasai semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu apabila Johor di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim telah bersetuju untuk menerima seorang penasihat Inggeris⁶.

Kesimpulannya, kemasukan *Orientalis* ke Malaysia bolehlah diertikan dengan kemasukan penjajah Inggeris ke Malaysia yang membawa bersamanya pelbagai misi terutamanya yang berkaitan dengan ekonomi dan keagamaan. Dengan kemasukan Inggeris, secara tidak langsung ianya membawa ideologi dan budaya Inggeris yang pelbagai dan sudah tentu dapat memberi kesan sedikit sebanyak terhadap pemikiran dan sikap tingkah laku masyarakat Malaysia. Dari sudut jangka panjangnya, tampak jelas kini ideologi yang dibawa *Orientalis* ini memberi kesan terhadap sistem pemerintahan negara yang sekaligus memberi kesan terhadap pemikiran rakyat bawahan.

⁶Abu Bakar Abdullah (1986), *Op.Cit*, c. 5. h. 108..

3.1.3. Perkembangan Pemikiran

Dalam meneliti perkembangan pemikiran *Orientalis* di Malaysia maka sudah tentulah penulis akan membincangkannya daripada sudut pendidikan yang diterima rakyat Malaysia. Ini kerana sistem pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membawa hala tuju pemikiran masyarakat sesebuah negara. Baiknya struktur pendidikan yang diterima oleh rakyat maka sudah tentulah akan mewujudkan masyarakat yang baik dan sempurna. Oleh kerana itulah kita dapati antara strategi Inggeris dalam usaha mereka untuk mengembangkan pemikiran mereka ialah dengan campurtangan dan mengubahsuai sistem pendidikan yang sedia ada. Dari perspektif Islam, Abu Hassan Ali Nadw berpendapat, fenomena pengalihan sistem pendidikan tempatan kepada sistem pendidikan berorientasikan Barat yang telah dan sedang berlaku sekarang adalah salah satu usaha penjajah untuk mengekalkan belenggu penjajahan pemikiran terhadap umat Islam. Sistem pendidikan yang berteraskan sekular yang diterapkan dalam pendidikan agama kini ibarat alat dan acuan pembunuh generasi Islam. Sistem pendidikan Barat ini jelas cuba menghapuskan *spiritual* umat Islam dan seterusnya meleburkannya⁷.

Di Malaysia, pada awal abad ke 19, sistem pendidikan Barat yang berbentuk *formal* telahpun diperkenalkan. Terutama di negeri-negeri Selat seperti Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Sistem pendidikan ini dibentuk dengan mengambil kira

⁷ Abu Hassan Ali Nadw, (1969), *Western Civilization*, c. 1. Lucknow India : Academic Of Islam, h. 161.

keseluruhan aspek dan nilai-nilai kehidupan kemasyarakatan penduduk tempatan dan asimilasi pengaruh kebudayaan, sikap dan pandangan Barat. Oleh kerana itulah tertubuhnya Penang Free School (1816), Singapura Free School (1823), Melaka Free School (1826) dan sekolah Melayu Gelugor, Ayer Itam dan Bayan Lepas. Walau bagaimanapun, sekolah Melayu ini terpaksa ditutup pada 1853 kerana kurang mendapat sambutan⁸.

Berdasarkan kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa langkah Inggeris memperkenalkan sistem pendidikan ala Barat adalah untuk membuka ruang kepada mereka memasukkan pengaruh pemikiran ke dalam masyarakat Melayu. Ini kerana pelajar yang masuk ke sekolah ini sudah tentulah saban hari menghadapi pelajaran yang diserapi dan dipengaruhi ideologi Barat. Hasil asakan minda ini pada setiap hari maka sudah tentulah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap diri pelajar tersebut yang kemudiaannya akan mempengaruhi corak kehidupannya. Hakikatnya, walaupun sistem pendidikan barat mempunyai kebaikannya namun, kaedah *sekularisme* yang diterapkan sebenarnya tidak membawa untung kepada masyarakat Islam itu sendiri. Saban hari pengasingan soal dunia dan akhirat dalam kehidupan pelajar memberi kesan yang besar terhadap kehidupan mereka. Corak pemikiran dan cara hidup Barat amat mudah untuk dipraktikkan.

⁸ Abdullah Ishak, (1995), *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*, c. 1., Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 136-137.

Selain pendidikan, satu cara lain Inggeris mengembangkan pemikiran mereka ialah menerusi sistem perundangan. Penggunaan undang-undang Inggeris sudah tentulah memberi kesan yang besar terhadap pemikiran rakyat Malaysia. Ketika kerajaan Melaka diperintah oleh Portugis dan Belanda, kedudukan dan pelaksanaan undang-undang Islam tidak terjejas. Ia masih diamalkan di Melaka dan di negeri-negeri lain di bawah empayarnya. Walau bagaimanapun, dengan kedatangan Inggeris dan kejayaannya mengambil Pulau Pinang dari Sultan Kedah pada 1786 telah membuka ruang permulaan pemakaian sistem undang-undang Inggeris dan pengeneplan undang-undang Islam di Tanah Melayu⁹. Seterusnya Inggeris memperkenalkan undang-undangnya ke negeri-negeri lain bermula dengan Negeri-Negeri Selat dan diikuti ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Negeri-negeri lain juga tidak ketinggalan seperti Johor, Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan. Di Kelantan sebagai contoh telah ditubuhkan beberapa jenis mahkamah seperti Mahkamah Tinggi, Mahkamah Adat, Mahkamah Tanah dan Mahkamah Syariah. Akibatnya, Mahkamah Syariah kehilangan kuasa kerana sebelum itu Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang luas di dalam penyelesaian semua kes yang berlaku di Kelantan.

Dalam memberikan kemerdekaan kepada Malaysia, Inggeris telah meninggalkan suatu bentuk pemikirannya yang memberi kesan terhadap pemikiran rakyat Malaysia hingga kini iaitu undang-undang Inggeris yang diasaskan oleh Lord Reid. Undang-undang inilah sebagai satu syarat untuk Malaysia mencapai

⁹ Abu Bakar Abdullah (1986), *Op.Cit* , c.5. h. 110.

kemerdekaannya dan Tunku Abdul Rahman telah mengambilnya sebagai asas perlembagaan undang-undang di Malaysia. Perlembagaan ini dilihat sebagai sumber tertinggi undang-undang di Malaysia dan sebarang undang-undang yang bertentangan dengannya adalah dianggap tidak sah dan terbatal. Inilah satu bentuk pemikiran Inggeris yang paling kuat mendominasi dan mengekori cara hidup dan pemikiran rakyat di Malaysia.

Fenomena ini jelas menggambarkan bagaimana Inggeris atau *Orientalis* ini bertindak dalam mengembangkan pemikiran mereka. Dengan penguatkuasaan undang-undang Inggeris bermaksud undang-undang Islam telah diketepikan dan terpisah dari kehidupan dan pemikiran rakyat. Penerimaan terhadap undang-undang Inggeris sebagai satu lagi contoh kejayaan Inggeris dalam mengembangkan pemikiran mereka di Malaysia.

3.1.4. Pengaruh Pemikiran

Pada hakikatnya, pengaruh pemikiran *Orientalis* telah bermula dengan berlakunya penjajahan Inggeris. Raffles dianggap sebagai pelopor yang bertanggungjawab menanamkan pengaruh pemikiran Inggeris di Tanah Melayu. Ini berikutan usaha awalnya yang membabitkan sistem pendidikan beliau mengasingkan pelajaran Bahasa Melayu dari dasar pelajaran Al Qurān sedangkan menurut tradisi Melayu pada waktu itu, seseorang anak itu haruslah dapat mengaji Al-Qurān dahulu

sebelum boleh belajar Bahasa Melayu. Seterusnya usaha Raffles ialah, mendaulatkan undang-undang Inggeris terutamanya selepas Perjanjian Pangkor 1874 dimana urusan pentadbiran diserahkan kepada Residen Inggeris kecuali soal-soal agama dan adat istiadat Melayu. Kemudiaannya diperkukuhkan lagi dengan pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1895 dimana kuasa yang lebih luas diberikan kepada Residen Jeneral. Kemudian sistem ini diperluaskan ke negeri-negeri lain seperti di Kelantan (1910), Johor (1914), Terengganu (1919), Kedah (1923) dan Perlis (1930). Dalam perjanjian-perjanjian ini walaupun Raja-Raja Melayu diberikan kebebasan dalam soal-soal agama negerinya tetapi secara *praktisnya* Inggeris turut serta campur tangan bersesuaian matlamat mereka untuk mensekularkan pentadbiran di Tanah Melayu¹⁰.

Di bawah pentadbiran penjajah, agama Kristian mula bertapak dan mendapat perlindungan dengan keistimewaan tertentu sehingga tertubuhnya gereja-gereja, sekolah-sekolah *missionari* dan lembaga-lembaga Kristian yang lain. Kaum penjajah telah meresapkan fahaman Kristian kepada orang-orang bukan Melayu dan orang Asli. Orang-orang bukan Melayu memberi sambutan yang hangat dengan alasan beragama Kristian bererti termasuk dalam golongan *superior* dan *elite* sedangkan orang-orang Melayu adalah golongan yang dijajah dan *inferior* kerana dijajah. Penjajah telah berjaya meninggalkan kesan yang mendalam sekali iaitu melemahkan

¹⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, (1987), *Pemikiran Islam Masa Kini : Sejarah Dan Aliran*, c. 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 153-154.

pengaruh Islam di Tanah Melayu dan keduanya memundurkan kehidupan umat Islam¹¹.

Jelasnya, pengaruh pemikiran *Orientalis* ini amat merbahaya kerana membabitkan soal pendidikan dan undang-undang. Untuk menjelaskan fenomena ini bolehlah kita lihat dari sudut pemikiran Haron Din dan Sobri Solomon yang berpendapat bahawa Falsafah Pendidikan Malaysia telah menciptakan sebanyak mungkin manusia intelek, manusia robot. Dasar pelajaran yang mengamalkan dasar *sekular* tidak mampu untuk menyerapkan nilai-nilai etika yang *universal* dalam tamaddun, sehingga pendidikan tidak lebih dari untuk mengasah otak dan kecerdasan mental semata-mata. Setiap pelajar yang masuk universiti mengharapkan mendapat kerja yang baik apabila tamat pengajian kelak. Saki baki pengaruh penjajah dalam sistem pelajaran kita adalah amalan sistem *dualisme* iaitu ada pelajaran agama dan pelajaran *sekular*. Begitu juga dalam pentadbiran ada pejabat agama dan ada pejabat kerajaan. Hasil daripada sistem *dualisme* dalam pelajaran dan pentadbiran melahirkan dua kelompok manusia dalam satu masyarakat yang sering bertarungan antara satu sama lain¹².

Begitu juga hasil dari pemakaian undang-undang Inggeris di Malaysia. Dengan terlaksananya undang-undang Lord Reid, ianya telah menjadi ancaman terhadap keluhuran dan ketinggian Undang-Undang Islam, sehinggakan kedapatan

¹¹ Dusuki Haji Ahmad, (1980), *Islam Di Malaysia : Kebangkitan Dan Masa Depan*, c. 1. Kuala Lumpur : Penerbitan Abadi Sdn Bhd., h. 16-17.

¹² Haron Din Dan Sobri Salamon (1988), *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*, c. 2., Kuala Lumpur : Al Rahmaniah, h. 25-26.

sebahagian masyarakat Islam mengatakan bahawa undang-undang Islam adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia. Jelas fenomena ini berlegar di sekeliling pemikiran sesetengah masyarakat Malaysia yang kurang ilmu agamanya. Natijahnya, sistem pentadbiran negara dipenuhi dengan budaya rasuah, salahguna kuasa dan dominasi kuasa eksekutif yang melampau terhadap sistem kehakiman dan demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini. Ini kerana undang-undang yang sedia ada memungkinkan sesiapa sahaja kebal dari tindakan undang-undang selagi mana pandai menggunakan kuasa dan tipu daya. Pengaruh pemikiran *Orientalis* ini sebenarnya telah berada terlalu lama dalam pemikiran masyarakat Malaysia semenjak negara mencapai kemerdekaan lagi. Oleh kerana itulah, pengamalan cara hidup Islam yang sempurna dilihat sebagai suatu wadah yang paling sesuai untuk melenyapkan terus pengaruh pemikiran *Orientalis* ini. Justeru, kedapatan di negara ini kelompok yang berjuang melalui politik dan dakwah dalam usaha mereka menghapuskan pengaruh pemikiran *Orientalis* ini yang telah terlalu lama terperap dalam minda masyarakat Islam negara ini.

3.2. Pendidikan Dan Sejarah Islam Di Malaysia

3.2.1 Dasar Dan Falsafah Pendidikan

Langkah pertama yang dilakukan oleh Kerajaan Perikatan selepas kemerdekaan negara ialah, menyemak dan menyusun semula sistem pendidikan yang

diwarisi daripada penjajah Inggeris dengan cara mengadakan dasar-dasar pendidikan yang diperkukuhkan oleh perlembagaan dan undang-undang. Ini dapat dilihat dari cadangan dan dasar yang dikemukakan oleh Laporan Razak (1956) telah dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Dasar-dasar pendidikan yang unggul yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pelajaran 1956 ialah dasar kesejagatan, dasar tolak ansur, dasar penyeragaman, dasar perpaduan dan dasar demokrasi dalam pendidikan. Satu lagi laporan yang dikenali sebagai Laporan Rahman Talib telah dikemukakan kepada kerajaan tahun 1960. Cadangan-cadangan dasar dari kedua-dua Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) kemudiannya telah dimaktubkan dalam Akta Pelajaran 1961. Antara keperluan dan matlamat utama pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan ialah untuk menubuhkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang dapat memenuhi keperluan negara dari segi sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan masyarakat serta dapat mengembeleng dan membangunkan masyarakat negara ini. Ianya juga bertujuan mengadakan pengajaran yang cekap dan berkesan dan tidak menimbulkan beban kewangan kepada negara. Ianya berlandaskan kepada prinsip bahawa pendidikan untuk murid-murid sekolah perlu sejajar dengan kehendak ibubapa mereka dan penjaminan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama¹³. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam dasar pendidikan ini kerana meminggirkan aspek kerohanian dan lebih mengejar kepada kebendaan. Matlamat pendidikan untuk membina peribadi manusia yang luhur dan membentuk nilai akhlak dan jiwa generasi muda tidak diberikan penekanan dalam penggubalan dasar pendidikan negara. Dalam ketiga-tiga laporan

¹³ Sufean Hussin, (1993), *Pendidikan Di Malaysia : Sejarah, Sistem Dan Falsafah*, c. 1., Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 89-91.

ini, matlamat yang dipentingkan ialah untuk melahirkan ahli sains dan teknologi, untuk meramaikan lagi tenaga rakyat dan tenaga mahir, serta untuk mencapai perpaduan kaum dan pencapaian matlamat ke arah rukunegara¹⁴.


Berkaitan Falsafah Pendidikan Negara, Malaysia secara amnya belum lagi mempunyai falsafah pendidikan yang jelas sehinggalah tahun 1987 apabila Kementerian Pendidikan berjaya menggubalkan pernyataan Falsafah Pendidikan Negara. Dengan adanya Falsafah Pendidikan Negara maka usaha untuk mencapai matlamat pendidikan semakin mudah. Dalam Falsafah Pendidikan Negara yang diistiharkan secara rasmi pada 1987, barulah dapat dilihat dengan jelas hasrat dan arah sistem pendidikan yang bercorak individu dan masyarakat. Kedua-duanya selaras iaitu ke arah melahirkan insan yang baik dan sekaligus mereka dapat memainkan peranan sebagai anggota masyarakat dan warganegara yang baik¹⁵.

Falsafah pendidikan negara ini tidak pernah dinyatakan secara *eksplisit* dan *formal*. Walau bagaimana pun, kewujudan falsafah yang tersirat itu dapat dirasakan sungguhpun tidak mudah ditanggap secara objektif. Ia wujud kerana sistem pendidikan itu wujud tetapi rupa bentuk kewujudannya selama ini tidak pernah *disintesiskan* bagi mendapatkan gambaran yang bersepadu dan bagi memahami aliran gagasan pemikiran yang menyusurgalurkan perkembangan sistem pendidikan. Secara umumnya falsafah pendidikan boleh dikategorikan kepada lima iaitu

¹⁴ Tajul Arifin Noordin, (1993), *Perspektif Falsafah Dan Pendidikan Di Malaysia*, c. 1., Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 37-38.

¹⁵ Tajul Arifin Noordin (1993), *Op.Cit*, h. 39.

metafizik, epistemologi, aksiologi, estetika dan etika. Walau bagaimana pun *estetika* dan *etika* boleh dikategorikan di bawah *aksiologi*. Falsafah pendidikan terbahagi kepada lima aliran iaitu *idealisme, realisme, perenialisme, progresivisme* dan *eksistensialisme*. Falsafah pendidikan ialah rumusan idea tentang realiti dalam bidang pendidikan iaitu mencangkupi segala *dimensi, aspek dan fungsi pendidikan*¹⁶. Untuk mendapatkan gambaran rupa bentuk Falsafah Pendidikan Malaysia, rajah satu dapat memberikan gambarannya. Ini kerana untuk mendapat gambaran rupa bentuk falsafah, maka adalah perlu bagi kita mengenal pasti *premis-premis* idea yang mengagaskan falsafah pendidikan. Rajah satu menunjukkan *premis-premis* idea berkenaan iaitu meliputi *premis* kurikulum, matlamat ideologi negara dan dasar-dasar¹⁷.



¹⁶ Sufean Hussin (1993), *Op.Cit*, h. 151-152 .

¹⁷ *Ibid* , h. 140-141.

3.2.2. Pendidikan Ibu Bapa

Antara matlamat perkahwinan dalam Islam ialah untuk mewujudkan lebih ramai lagi generasi penyokong dan pendokong Islam. Menurut Imām al-Ghazālī, anak-anak merupakan nikmat kurniaan Allah kepada ibu-bapa. Hati mereka adalah suci dan bersih ibarat sebutir permata yang boleh dibentuk sesuka hati oleh pengukirnya. Anak-anak merupakan amanah Allah kepada kedua orang tuanya dan mereka wajib mendidiknya dengan sempurna¹⁸. Ibu bapa juga merupakan orang yang paling rapat dan berkesan dalam membentuk hala tuju anak-anak. Sabda Nabī Muhammad S.A.W.¹⁹;

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ . فَأَبَوَيْهِ
يَهُودُونَهُ أَوْ نَصْرَانِيَّةً أَوْ مَجَسُونَةً

Yang bermaksud

*Tidak seorang pun dari anak-anak kecuali dilahirkan secara fitrah.
Maka kedua ibu-bapanyalah yang akan menjadikannya sama ada
Yahudi, Nasrani atau Majusi.*

Hadis ini jelas menunjukkan kepada kita akan kepentingan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka agar menjadi insan yang berguna dan dapat hidup dengan sempurna. Sewajarnya bagi ibu bapa mendidik anak-anak mereka dengan didikan yang telah digariskan oleh Islam. Terdapat tiga peringkat pendidikan anak-

¹⁸ Al Ghazali, (t.t) , *Ihya Ulum al Din*, Juzuk 5, c. 1. Kaherah : Dār al Syu'bī, h. 468.

¹⁹ Muslim al-Hajjāj al-Qusyayrī, (t.t.) , *Sahih Muslim Bab Al Qadar*, Kaherah : Maktabah Al-Halabī, h. 458.

anak selepas dilahirkan iaitu peringkat sebelum *mumayyīz*²⁰ iaitu antara umur semenjak dilahirkan hingga berusia tujuh tahun, pendidikan selepas *mumayyīz* dan pendidikan peringkat *balīgh*, dewasa dan rumahtangga. Dalam peringkat ini anak-anak mula memikul tanggungjawab besar terhadap Allah S.W.T., ibu-bapa dan masyarakat²¹. Banyak ayat Al-Qurān yang menitik beratkan soal penjagaan anak-anak. Antaranya Firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Surah Tahrīm (66) : 6

Wahai orang-orang beriman! Jagalah diri dan keluarga kamu daripada api neraka.

Berdasarkan pemahaman dari pernyataan yang telah dikemukakan di atas, maka adalah jelas menjadi suatu kewajipan kepada semua ibu-bapa *muslim* mengajarkan kepada anak-anak mereka ilmu-ilmu yang berkaitan dengan Islam terutamanya ilmu-ilmu asas Fardu 'Ain. Seseorang ibu bapa *muslim*, sudah semestinya tidak dapat lari daripada tanggung jawab ini. Dalam konteks masyarakat Malaysia, maka sudah tentulah fenomena ini berlaku. Umumnya, apa yang membezakan antara mereka ialah tahap kefahaman ibu bapa terhadap Islam dan corak pengajaran yang diterapkan kepada anak-anak mereka. Bagi ibu-bapa yang mempunyai latar belakang agama yang kukuh, maka sudah tentulah pendidikan Islam akan cuba diterapkan dengan sebaik mungkin agar ianya selari dengan

²⁰ Boleh membezakan antara yang baik dan buruk.

²¹ Abu Urwah, (1992), *Wanita Dan Kekeluargaan*, c. 1. , Kuala Lumpur : Pustaka Salam, h. 155.

kehendak agama. Berlainan dengan ibu bapa yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama dan agak jahil tetapi mempunyai *inisatif* mendidik anak berdasarkan Islam, maka sudah tentulah guru-guru agama atau sekolah akan menjadi penolong usaha mereka dalam mendidik anak-anak. Tambahan pula, institusi agama berkembang subur di Malaysia dan hanya memerlukan kebijaksanaan ibu bapa untuk memilih tempat yang sesuai dan berkualiti. Bagi ibu-bapa yang jahil dan tidak berminat dengan pendidikan Islam terhadap anak-anak, maka sudah tentulah anak-anak mereka akan dicorakkan memenuhi selera mereka berdasarkan kefahaman dan pengalaman hidup serta latar-belakang pendidikan yang ditempuhi mereka.

Kesimpulannya, pendidikan Islam di kalangan ibu bapa terhadap anak-anak adalah bergantung sepenuhnya dengan kebijaksanaan ibu bapa tersebut serta usaha-usaha yang dilakukan. Didikan peringkat awal yang berkualiti sudah tentulah sedikit sebanyak mampu menjadi kuasa penghalang kepada anak-anak daripada terjerumus dalam masalah sosial yang semakin berleluasa dalam konteks negara kita Malaysia ini.

3.2.3. Pendidikan Peringkat Rendah Dan Menengah

Selepas pendidikan peringkat ibu bapa, maka sudah tentulah pendidikan di peringkat rendah dan menengah ini memainkan peranan yang besar dalam jiwa anak-anak. Secara umumnya, pendidikan Islam di Malaysia telah ada sejak kurun ke lima

belas lagi. Pada waktu itu Melaka telah menjadi sebagai pusat penyebaran agama Islam di Kepulauan Melayu dan sudah tentulah ramai pedagang Islam yang datang berdagang dan menyebarkan Islam. Pendidikan pada waktu itu bukanlah dalam bentuk *formal* sebagaimana yang ada sekarang, tetapi wujudnya guru-guru agama dari keturunan *Syed* dan *Syikh* yang mengajar agama Islam dan mereka ini menjelajah ke seluruh Kepulauan Melayu²². Seterusnya era penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris menjadi cabaran kepada kelangsungan pendidikan Islam di Malaysia. Contohnya ialah apabila kemasukan dan penjajahan Inggeris dengan *inisiatif* mereka memperkenalkan sekolah-sekolah Melayu. Hasilnya, pelajaran agama telah cuba dipinggirkan dan dasingkan dari pelajaran lain. Ini kerana mata pelajaran yang diajarkan kepada mereka pada waktu itu ialah Ilmu Bacaan, Ilmu Kira-Kira, Ilmu Kesihatan, Ilmu Anyaman, Ilmu Berkebun, Ilmu Tulisan Rumi, Sejarah Melayu dan Ilmu Alam²³.

Perkembangan pendidikan Islam di Malaysia ini secara kasarnya mengalami empat tahap iaitu sistem belajar di rumah-rumah guru, sistem pondok, sistem madrasah dan sistem *sekular*²⁴. Setelah merdeka, sekolah-sekolah Agama atau *Madrasah* atau sekolah Arab menghadapi satu cabaran yang besar berikutan Dasar Pelajaran Kerajaan Malaysia melalui Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman

²² Muhd Nur Manuty, (1984), "*Perkembangan Pendidikan Di Malaysia : Beberapa Analisa Kritis Terhadap Penilaian Asas Dalam Perspektif Sejarah*", Jurnal Pendidikan Islam, Bilangan Dua, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Malaysia, Oktober 1993, h. 45.

²³ Awang Had Salleh, (1977), *Institusi Pondok Di Malaysia : Antara Tradisi Dan Perubahan*, c. 1 Kuala Lumpur : Utusan Publication, h. 16.

²⁴ Haron Din Dan Sobri Salamon (1988), *Op.Cit* , c. 2. h. 16.

Talib (1960) yang memberikan jaminan ekonomi yang baik terhadap lulusan sekolah-sekolah kerajaan. Akibatnya, sekolah-sekolah Agama menghadapi kekurangan pelajar dan masalah kewangan. Kesenambungan daripada ini, kerajaan telah bertindak dengan mengambil alih sekolah-sekolah Agama dan mengubahsuaikan *kurikulumnya* kepada yang lebih selari dengan Dasar Pelajaran Kerajaan Malaysia. Oleh kerana itulah pentadbiran sekolah-sekolah Agama di Malaysia boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu²⁵ :

1. Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang didirikan oleh rakyat dan pentadbirannya juga dikendalikan oleh rakyat melalui lembaga pentadbiran atau guru. Sebahagian besar sekolah-sekolah ini menerima sumber kewangan dari kerajaan pusat, negeri atau majlis agama Islam.
2. Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri yang ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Negeri. Kewangannya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.
3. Sekolah-sekolah Agama di bawah kelolaan Majlis Agama dan Zakat.
4. Sekolah-sekolah Agama di bawah Kementerian Pelajaran.

Walaupun, dalam Penyata Razak (1957) ada mencadangkan pihak kerajaan supaya penuntut Islam diberikan pelajaran Agama Islam dan cadangan ini diterima kerajaan dan terus dijadikan Seksyen 49 Ordinan Pelajaran 1957. Begitu

²⁵ Haron Din Dan Sobri Salamon (1988), *Op. Cit.*, c.2, h. 21-22.

juga Penyata Rahman Talib (1960) yang mengesyorkan supaya pelajaran agama Islam diwajibkan kepada murid-murid Islam di sekolah Bantuan Kerajaan²⁶. Satu lagi laporan pada 1979 telah dibuat dan diberi nama Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran. Antara isi kandungan laporan itu ialah semua murid yang beragama Islam bukan sahaja wajib mempelajari pelajaran Agama Islam tetapi wajib juga mengambil peperiksaan. Di samping itu, guru-guru yang mengajar mata pelajaran Agama Islam hendaklah diberikan latihan khusus demi meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran Agama Islam²⁷. Natijah dari laporan inilah yang melahirkan sistem pembelajaran yang lebih bersepadu yang mementingkan penghayatan dan praktikal terhadap apa yang dipelajari. Sistem ini kemudiaannya dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang peringkat awalnya dilaksanakan di sekolah-sekolah terpilih.

Pendidikan Islam di peringkat Menengah dan Rendah di Malaysia dikukuhkan lagi dengan kewujudan sekolah petang. Walaupun matapelajaran agama Islam telah diajar di sekolah-sekolah biasa tetapi sekolah petang terus menyokong perkembangan pendidikan Islam di Malaysia dan sekolah ini diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Yayasan Islam Negeri. Oleh kerana peringkat awalnya kurikulum sekolah ini berbeza dan tidak mempunyai

²⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia (tt.), "Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Agama Islam Mengikut Penyata Razak 1956 dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960" (laporan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur), h. 4-5.

²⁷ Jawatankuasa Kabinet Pelaksanaan Dasar Pelajaran (tt.) (Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur), h. 66.

keseragaman maka, pada tahun 1987 telah dibuat cadangan untuk mengadakan kelas pengajian Al-Qurān dan Fardu 'Ain yang lebih sistematik dan seragam di setiap negeri. Hasilnya wujudlah kelas KAFA (Kelas Al-Qurān Dan Fardu 'Ain) anjuran Pusat Islam di bawah pengawasan Bahagian Hal Ehwal Islam²⁸ (BAHEIS) pada tahun 1990²⁹. Umumnya, di samping kelas Fardu 'Ain BAHEIS wujudnya juga Kelas-kelas Fardu 'Ain di seluruh negara dan ini bolehlah dibahagikan kepada empat kategori iaitu Sekolah Rendah Agama, Kelas Al Qurān dan Fardu 'Ain yang dijalankan di surau dan masjid, kelas-kelas Al-Qurān di rumah Tok Guru di kampung dan kelas bimbingan agama di asrama-asrama. Pendidikan Islam di negara ini terus diperkukuhkan dengan penubuhan Lembaga Penasihat Penyelarasan dan Pendidikan Islam (LEPAI) oleh Majlis Raja-Raja pada tahun 1993. LEPAI ini berfungsi untuk mengatasi kelemahan sistem pendidikan Islam antara negeri.

Kesimpulannya, pendidikan Islam peringkat menengah dan rendah di Malaysia ini berjalan seiring dengan saranan Islam itu sendiri yang memerintahkan umatnya sentiasa mencari dan mempelajari ilmu, *hattā* ayat Al Qurān pertama yang diwahyukan kepada Nabī S.A.W. jelas merujuk kepada institusi keilmuan dengan lafaz “bacalah” atau *Iqrā'* yang boleh diberikan definisi dan penafsiran yang pelbagai. Kesenambungan daripada ini, sudah tentulah pelbagai sumbangan dilakukan oleh individu *muslim* dalam menegakkan ilmu dan agama Allah melalui

²⁸ Sekarang dikenali sebagai Jabatan Kebajikan Islam Malaysia (JAKIM)

²⁹ Bahagian Hal Ehwal Islam, (1993), *Kurikulum Dan Sukatan Pengajian Al Quran Dan Fardu Ain (KAFA)* , c. 2. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri, h. 3.

jalan atau *metod* yang pelbagai sesuai dengan kehendak dan kebolehan masing-masing. Jelasnya, semua ini adalah menjurus kepada mencari keredhoaan Allah S.W.T. dan perkembangan agamaNya.

3.2.4. Pendidikan Peringkat Pondok

Pondok merupakan antara Institusi pembelajaran pilihan rakyat Malaysia terutamanya dalam mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan keagamaan. Walaupun Institusi ini hanya berada di negeri-negeri tertentu namun ianya tetap menjadi pilihan bagi mereka yang hendak memantapkan lagi pengetahuan tentang Islam. Perkataan pondok diambil berikutan rumah-rumah kecil yang diduduki pelajar-pelajar yang datang untuk menuntut ilmu. Kemudiaannya gelaran ini berpindah kepada sistem pendidikan tradisional iaitu sistem pondok. Pondok adalah sejenis Institusi pendidikan agama di luar bandar yang mengendalikan pengajian agama Islam yang mana guru-guru mereka lebih dikenali dan dihormati dengan panggilan Tuan Guru³⁰. Bermulanya sistem pengajian pondok ini disebabkan oleh pertambahan bilangan penuntut-penuntut yang belajar di rumah-rumah Tuan Guru. Hal tersebut telah menimbulkan masalah bagi guru-guru agama tersebut kerana rumah mereka tidak lagi mampu memuatkan bilangan penuntut yang semakin ramai. Oleh kerana itulah timbulnya idea untuk mendirikan pondok-pondok kecil yang berdekatan di sekeliling rumah guru untuk memudahkan tujuan belajar terutamanya bagi pelajar-pelajar yang

³⁰ Awang Had Salleh, (1977), *Institusi Pondok Masyarakat Melayu : Antara Tradisi Dan Moden*, c. 1. Kuala Lumpur : Utusan Melayu Berhad, h. 33.

tinggal jauh. Dengan itu bermulalah sejarah pengajian pondok di Semenanjung Malaysia³¹.

Dari sudut pengajarannya, pondok mempunyai kualiti dan taraf yang istimewa dan tinggi berbanding pengajaran yang diberikan di rumah-rumah imam dan guru. Tahap perkembangan yang paling popular ialah diawal abad ke sembilan belas Masehi. Pada masa ini ramai pelajar lepasan Timur Tengah pulang ke tanah air dan membuka pondok di merata negeri di Tanah Melayu pada waktu itu. Antara negeri yang terkenal dengan banyak pondok ialah Kelantan, Terengganu dan Kedah³². Pembelajaran di pondok disampaikan oleh guru dengan membaca kitab dan memberi huraian dan pelajar membentuk *halaqah* atau bulatan. Selain daripada itu terdapat kaedah hafalan dimana Tok Guru menetapkan bahagian-bahagian atau potongan ayat tertentu supaya dihafal oleh pelajar secara begilir-gilir di hadapan guru. Antara matapelajaran yang berkaitan ialah Nahw, Saraf, Tauhīd dan Al-Qurān. Oleh kerana itulah kita dapati struktur pendidikan dan pembelajaran di Pondok lebih berbentuk tradisional. Pelajar yang datang belajar tidak dihadkan umur mereka asalkan mereka berkemampuan untuk membaca jawi dan Al-Qurān. Jangkamasa pengajiannya pula adalah mengikut kemampuan pelajar itu sendiri dan kenaikan ke peringkat pengajian yang lebih tinggi adalah berdasarkan kebolehan dan

³¹ Dr. Sobri Salamon, (1988), *Falsafah Pendidikan Islam Dan Dasar Pelajaran Malaysia : Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*, c. 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 17-18.

³² Zawawi Ahmad, (1984), *Pendidikan Islam : Kaedah Dan Teknik Pengajaran*, c. 2. Kuala Lumpur : International Book Store, h. 217.

kemampuan seseorang pelajar memahami pelajaran atau kitab baru yang ditonjolkan³³.

Sehingga kini, institusi pondok masih lagi menjadi pilihan para ibu bapa yang inginkan anak-anak mereka menjadi ilmunan agama yang berguna. Walaupun kekurangan infrastruktur serta sistem pembelajaran kitab kuning, pondok tetap menjadi pilihan ibu bapa di Malaysia. Kesenambungan sambutan ini kita dapati sekarang munculnya pelbagai idea untuk memajukan sistem pondok sehingga wujudnya sistem pondok moden yang mempunyai kemudahan dan infrastruktur yang baik disamping mengekalkan ciri-ciri tradisional dalam pembelajarannya. Oleh kerana itulah pondok terus menjadi pilihan masyarakat Malaysia dan diramalkan institusi ini akan mampu berkembang seratus tahun lagi dan menjadi kilang mengeluarkan manusia yang bersedia menegakkan ajaran Islam yang sebenarnya di Malaysia kini.

3.2.5. Institusi Pendidikan

Di Malaysia, pembelajaran Sejarah dan Tamaddun Islam merupakan sesuatu yang menjadi kewajipan sama ada diperingkat rendah ataupun tinggi. Bagi pelajar peringkat sekolah rendah dan menengah, silibus yang dikeluarkan oleh Kementerian

³³ Abdullah Ishak, (1982), "Perkembangan Pelajaran Agama Islam Di Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan Selepas merdeka hingga 1980 : Suatu Tinjauan Mengenai Kurikulumnya", (Tesis M.Ed, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 123.

Pendidikan Malaysia memperuntukkan satu bahagian atau bab yang membincangkan berkaitan Sejarah dan Tamaddun Islam yang terdapat dalam silibus Pendidikan Islam. Di sesetengah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pula misalnya, pelajaran Tamaddun Islam atau Pendidikan Islam merupakan antara matapelajaran yang wajib dipelajari oleh pelajar. Terdapat jabatan atau fakulti yang bertanggungjawab mengawal seliaan pembelajaran ini. Selain itu, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia, masing-masing mempunyai Jabatan khusus berkaitan Tamaddun Islam yang bertujuan menjalankan penyelidikan berkaitan Sejarah dan Tamaddun Islam. Universiti Malaya misalnya, mempunyai Pusat Dialog Dan Peradaban di Fakulti Sastera dan Jabatan Sejarah Dan Tamaddun Islam di Fakulti Akademi Pengajian Islam. Di Universiti Kebangsaan Malaysia pula, terdapat Jabatan Bahasa Arab dan Tamaddun Islam dibawah kendalian Fakulti Pengajian Islam. Di Universiti Teknologi MARA, terdapat Pusat Pendidikan Islam yang bertanggungjawab menyeliaikan pelajaran Pendidikan Islam bagi warga Muslim dan Tamaddun Islam bagi warga bukan Muslim.

Di Insititusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pula, Pengajian Islam telah diwajibkan keatas semua pelajar muslim. Terdapat satu badan khas (Lembaga Akreditasi Negara) yang mengatur seliaan pelajaran Pengajian Islam. Semuanya haruslah mengikut ketetapan yang telah ditetapkan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) menerusi Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 8 Julai 1996 dan mula berkuatkuasa pada 15 Mei 1997 dan dilaksanakan sepenuhnya mulai 1 Januari 1999. Dengan kelulusan akta ini juga

bermaksud, semua pelajar IPTS wajib mempelajari Pengajian Islam ini sebagai prasyarat bagi penganugerahan sijil, diploma dan ijazah. Menurut Dr Ibrahim Hashim, Pengurus Kanan LAN, LAN lebih mengutamakan pendekatan fleksibel dalam memastikan perjalanan matapelajaran Pendidikan Islam di IPTS. Tiada pemantauan khusus dilakukan, dan LAN hanya menetapkan silibus yang dirangka oleh Jawatankuasa Khas yang dibentuk hasil gabungan tenaga akademik profesional dari IPTA tempatan³⁴.

Selain daripada itu, terdapat institusi yang menjalankan penyelidikan dalam bidang Sejarah Dan Tamaddun Islam iaitu Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamaddun Islam (ISTAC). Ia didirikan pada tahun 1987 sebagai satu pusat antarabangsa penyelidikan dan pengajian pemikiran dan Tamaddun Islam. Dengan terdapatnya ISTAC, maka kehendak pengkaji dan penuntut untuk mendalami ilmu-ilmu Islam diperingkat tinggi setanding dengan institusi seumpamanya di luar negara dapat dipenuhi. Peluang pembelajaran di ISTAC sungguh unik kerana penekanan kepada asas-asas pengajian ilmu-ilmu Islam, seperti ilmu *kalam*, *tasawwuf* dan falsafah, tanpa mengenyampingkan penekanan kepada bahasa-bahasa Islam lain. Bahasa Arab adalah bahasa wajib bagi setiap pelajar diperingkat sarjana dan kedoktoran. Bahasa Inggeris adalah bahasa pengantar.

³⁴ Temuramah dengan Dr Ibrahim Hashim di pejabat LAN Petaling Jaya 4 Ogos 2000, Jam 10.35 pagi.